

23 APR 1998

FIRMA YANG DILETAK BAWAH TANGGUNGAN BOLEH DISELAMATKAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beberapa firma yang diletak di bawah tanggungan boleh diselamatkan atau dipulihkan.

"Saya berpendapat sesetengah syarikat ini boleh diselamatkan atau dipulihkan...mereka bukannya dalam keadaan yang sebegitu teruk," katanya apabila ditanya tentang sesetengah syarikat awam yang diletak di bawah tanggungan dan implikasi peristiwa berkenaan dalam ekonomi yang meluas.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Burkina Faso, Blaise Compaore' di sini hari ini.

Setakat ini dua syarikat awam telah diletakkan di bawah tanggungan, iaitu Wembley Industries Bhd and SCK Group Bhd.

Dua buah lagi syarikat awam telah menyaksikan anak-anak syarikat masing-masing telah diletakkan di bawah tanggungan, iaitu anak syarikat Uniphoenix Corporation Bhd, Asia Malt Sdn Bhd, dan anak syarikat Associated Kaolin Industries Bhd, Caton Wood Industries Sdn Bhd.

Ditanya mengenai sektor hartanah dan pembinaan yang kelihatan mengalami kelembapan, beliau berkata pihak berkuasa sedang mengkaji cara-cara bagaimana ia boleh dihidupkan semula.

"Kami sedang mengkaji kadar faedah," katanya.

Pada Selasa lalu, perdana menteri mendedahkan bahawa kerajaan dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sedang mengkaji langkah-langkah untuk mengurangkan kadar faedah dan melegakan beban ke atas syarikat-syarikat dalam melangsaikan hutang piutang mereka.

Kadar faedah di negara ini semakin meningkat dengan begitu ketara. Kadar antara bank buat ketika ini berlegar sekitar 11.05 peratus berbanding hanya 7.5 peratus sebelum krisis matawang yang melanda sejak Julai tahun lalu.

Hasilnya, kadar berian pinjaman, terutamanya bagi pinjaman perniagaan melonjak sehingga 20 dan 21 peratus pada akhir tahun 1997, tetapi pihak berkuasa berjaya mengenakan disiplin di pasaran dan mempengaruhi kadar tersebut kepada purata 16 hingga 17 peratus ketika ini. -- BERNAMA

MAM MR MA